



Bil. Kami : SUKJ.MSNJ.700-4/4/6 ()

Tarikh : 29 Ogos 2025

Pengarah
Kastam Negeri Johor
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Menara Kastam Johor
Larkin, Susur 5, Jalan Tun Razak
80350 Johor Bahru, Johor

Tuan,

PERMOHONAN PENGECUALIAN SEMENTARA DUTI / CUKAI IMPORT BAGI BARANGAN SUKAN UNTUK PESERTA ACARA "MAYBANK CYCLING SERIES JOHOR 2025"

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Sukan Negeri Johor akan menganjurkan acara "**Maybank Cycling Series Johor 2025**" pada ketetapan berikut:

Nama Acara	: Maybank Cycling Series Johor 2025
Penganjur	: Majlis Sukan Negeri Johor
Tarikh Acara	: 14 September 2025 (Ahad)
Lokasi Acara	: Sunway Big Box Retail Park, Pusat Komersial Sunway Marketplace, Persiaran Medini 6, Sunway City, 79250 Iskandar Puteri, Johor

Jumlah Peserta Luar Negara: 657 orang

3. Sehubungan dengan itu, setiap peserta telah diberikan **slip pengesahan pendaftaran** dan mereka akan diminta menunjukkan slip tersebut dalam bentuk elektronik atau bercetak semasa ketibaan. Selain itu, jenis barangan sukan yang akan dibawa masuk adalah khusus untuk tujuan perlumbaan, merangkumi **basikal, tuib basikal, tayar gantian, set roda basikal serta lain-lain peralatan berkaitan**. Semua barangan ini akan dibawa keluar semula selepas tamat acara.

4. Justeru itu, tempoh pergerakan masuk dan keluar peserta serta barangan ditetapkan dari **11 September 2025 hingga 16 September 2025**. Pintu masuk rasmi ke Malaysia yang dijangka akan digunakan oleh peserta antarabangsa adalah seperti berikut:

Selangor	: Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Terminal 1 & 2)
Johor	: Kompleks ICQS Bangunan Sultan Iskandar (BSI)
Johor	: Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB)
Kedah	: Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam

Bil. Kami : SUKJ.MSNJ.700-4/4/6 ()

Tarikh : Ogos 2025


PERMOHONAN PENGECUALIAN SEMENTARA DUTI / CUKAI IMPORT BAGI BARANGAN SUKAN UNTUK PESERTA ACARA “MAYBANK CYCLING SERIES JOHOR 2025”

5. Bersama-sama ini dilampirkan senarai nama penuh peserta luar negara sebagai rujukan pihak tuan. Pihak kami dengan hormatnya memohon pertimbangan daripada tuan untuk memberikan **pengecualian sementara duti dan cukai import** bagi barangan sukan tersebut. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. MOHD EKMALUDDIN ISHAK)

Pengarah

Majlis Sukan Negeri Johor

MAAK/maa-suratpengecualiancukaikastamjb